

# Persisi rancang bangunan untuk kegiatan

23 MAY 1979

*Pencak Silat Singapura*

**PERSEKUTUAN Silat Singapura** (Persisi) difahamkan sedang cuba mendapatkan sebidang tanah berhampiran Pusat Perses, di Jalan Eunus, untuk menjadi tapak ibu pejabat yang bakal didirikan olehnya.

Adalah difahamkan bahawa pegawai-pegawai tinggi Persisi kini sedang menghubungi pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan kebenaran menggunakan tanah yang kini merupakan tanah kepunyaan pemerintah.

## Perbelanjaan

Sejauh ini belum lagi diketahui luas bidang tanah itu, dan perbelanjaan yang bakal dikeluarkan oleh Persisi untuk membina sebuah bangunan untuk menjalankan kegiatan-kegiatannya.

Persisi telah memutuskan untuk mendapatkan tanah itu kerana ia berdekatan dengan Rumah Perses di mana sebahagian dari kemudahannya digunakan oleh persekutuan itu sekarang ini.

Tambahan pula, kebanyakan pegawai kanan Persisi dan Perses adalah sama. Kedua pertubuhan ini dipimpin oleh Haji Yaacob Mohamad, Pesuruhjaya Tinggi

Singapura ke India, sebagai presiden. Sementara itu, kedua pertubuhan tersebut berharap untuk mengumpulkan tidak kurang dari \$50,000 dari hasil ek-sposisi perdagangan yang bakal diadakan di tanah lapang belakang flat Geylang Serai, Sims Avenue, selama 36 hari mulai 1 Julai ini.

## Hiburan

Ini adalah kali pertama kedua pertubuhan itu bergabung untuk mengadakan eksposisi perdagangan dalam usaha mengisi dana kegiatan masing-masing.

Hasil dari eksposisi itu akan dibahagikan sama rata antara kedua pertubuhan ini.

Kira-kira 100 buah gerai — termasuk gerai-gerai hiburan dan permainan — akan diadakan dalam eksposisi ini. Jawatankuasa penganjur sedang merancang acara-acara menarik untuk eksposisi ini.

Seorang pegawai Persisi menjelaskan bahawa kedua badan ini akan terus bekerjasama untuk mengisi dana masing-masing dan usaha mengadakan eksposisi perdagangan ini akan "merupakan kegiatan tahunan bagi kedua pertubuhan ini".

# Pesilat2 veteran dicari untuk membantu Esha

25 MAY 1979

*Pencak Silat*

**PERKUMPULAN Seni Silat Setia** (Esha) Singapura berharap untuk dapat menghubungi pesilat-pesilat Esha lama yang bergiat alam tahun 50an dan 60an.

Ini adalah kerana dengan adanya tenaga lama itu sajalah Esha berharap untuk mengembangkan seni silat ini.

## Terus berkubur

Dan buat masa ini oleh kerana kesuaran mendapatkan orang-orang lama itulah maka mesyuarat agung Esha yang dijadualkan penghujung bulan ini telah ditangguhkan ke bulan depan, demikian menurut setiausahanya, Encik Ahmad Kaspari.

Silat Esha, kata Encik Ahmad, mula popular di Singapura pada 1955 di bawah pimpinan Allahyarham Kang Jasman. Tetapi, bila guru silat tersebut meninggal dunia pada tahun 60an, ia terus nyap dan berkubur.

Sebab itulah, perkumpulan itu telah menubuhkan semula silat tersebut dengan harapan akan mendapat sokongan galakan dari pesilat-pesilat lama.

Sejauh ini, pihaknya telah mempu-

nyai dua buah gelanggang iaitu di Jalan Damai yang mempunyai 40 orang murid dan di kawasan Zehnder Road di Pasir Panjang dengan 70 orang.

Sementara dua buah gelanggang lagi akan dibuka tidak lama lagi iaitu di Kampong Amber dengan 30 orang murid dan Jalan Pengaga juga 30 orang.

Menurutnya, perkumpulan itu sejauh ini mempunyai beberapa orang lama yang duduk dalam jawatankuasa, sebagai guru-guru, jurulatih dan penolong jurulatih.

## Pergiat jentera

Oleh itu, dalam mesyuarat agungnya bulan depan mereka berharap orang-orang lama akan muncul semula untuk mempergiatkan lagi jentera perkumpulan tersebut.

Di samping bergiat dalam seni silat, mereka juga mempunyai Kumpulan Kompang Esha, kerana lagu bagi latar belakang silat tersebut ialah permainan kompang.

Sejauh ini mereka mempunyai 50 orang anggota kompang yang berpusat di Tanjong Pagar.